



كِرَاكِيَا نَكْرِيَا قِيَا بَرَا لَامِيَا

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mel : pkpk@kedah.gov.my



KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(64)

Tarikh : 19 Jamadilakhir 1447H

01 Disember 2025

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Seri /S.S. Dato' Paduka/ Y.A.A. Dato' / YBhg. Dato' Seri Setia Diraja Dato'
Paduka/ YB Dato' Wira/ YBhg. Dato'/ Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BIL.3/2025
KESILAPAN MENGINPUT KUANTITI ASET DI SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN
KERAJAAN NEGERI KEDAH (iSPEKS)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' Seri /S.S. Dato' Paduka/ Y.A.A. Dato' / YBhg. Dato' Seri Setia Diraja Dato' Paduka/ YB Dato' Wira/ YBhg. Dato'/ Tuan/Puan sebarang kesilapan menginput kuantiti semasa penyediaan **Inden dan Pesanan Tempatan** di Modul Perolehan dan Modul Pengurusan Kontrak sistem iSPEKS boleh menjejaskan proses pendaftaran aset dalam Modul Pengurusan Aset dan Inventori.

3. Berikut merupakan panduan yang perlu dilakukan sekiranya terdapat kesilapan di dalam proses menginput kuantiti aset di sistem iSPEKS di paparan penyediaan Inden dan Pesanan Tempatan :

- i) mengemukakan surat permohonan kelulusan untuk membuat proses pelupusan aset kepada Unit Perolehan, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.
- ii) melakukan proses pelupusan aset di dalam sistem iSPEKS sehingga selesai.
- iii) membuat proses Daftar Manual Aset di dalam sistem iSPEKS dengan menginput kuantiti aset yang betul seperti di surat pemakluman **No. Ruj: Bil (47)P.Kw.N(K)1668 Jld2 bertarikh 28 Mac 2024.**

4. Sehubungan dengan itu, pihak YB Dato' Seri /S.S. Dato' Paduka/ Y.A.A. Dato' / YBhg. Dato' Seri Setia Diraja Dato' Paduka/ YB Dato' Wira/ YBhg. Dato'/ Tuan/Puan adalah diminta untuk membuat semakan dengan teliti sebelum menginput kuantiti aset ke dalam Sistem iSPEKS bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesilapan berulang. Kerjasama pihak YB Dato' Seri /S.S. Dato' Paduka/ Y.A.A. Dato' / YBhg. Dato' Seri Setia Diraja Dato' Paduka/ YB Dato' Wira/ YBhg. Dato'/ Tuan/Puan dalam memastikan ketepatan maklumat yang dimasukkan amatlah dihargai.

...2/-

Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(64)

5. Untuk makluman, rujukan lanjut mengenai kaedah penentuan kuantiti aset boleh diperoleh melalui **Garis Panduan Perakaunan Aset (Hartanah,Loji dan Peralatan yang Dibeli Menggunakan Peruntukan/Dana Kerajaan Negeri)**, No. Ruj : Bil (44) P.Kw.N(K)1668 Jld 3, Tarikh : 13 Oktober 2025.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan **Seksyen Perakaunan Dan Pengurusan Kewangan** di emel helpdesk1speks@kedah.gov.my. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Seri /S.S. Dato' Paduka/ Y.A.A. Dato' / YBhg. Dato' Seri Setia Diraja Dato' Paduka/ YB Dato' Wira/ YBhg. Dato'/ Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"
"THE GREATER KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH , AMK., C.A.(M), CPA(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

Tel : 04-7027847/7027789

Emel : pkpk_akruan@kedah.gov.my

Experience
KEDAH